

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 APRIL 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Petronas teruskan projek gali minyak

Petronas teruskan projek gali minyak

Kuala Lumpur: Petronas akan tetap melaksanakan kerja cari gali minyak di satu kawasan yang dituntut China di Laut China Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dibincangkan menerusi lawatan empat hari ke Beijing bersama Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatnya, Li Qiang.

Bagaimanapun, Anwar berkata, kerajaan masih terbuka untuk rundingan sekiranya China merasakan kawasan berkenaan adalah wilayah negara itu.

“Memang perkara ini diangkat (dibincangkan) kerana kedua-dua pihak mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan terutama kebimbangan China kerana Petronas menjalankan kegiatan besar-besaran di satu kawasan dituntut China.

“Perkara ini saya sebut sendiri kepada Presiden dan Perdana Menteri bahawa Malaysia menganggap ini kawasan Malaysia dan Petronas akan terus mencari gali di kawasan itu.



Memang perkara ini diangkat (dibincangkan) kerana kedua-dua pihak mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan terutama kebimbangan China kerana Petronas menjalankan kegiatan besar-besaran di satu kawasan yang dituntut China”

Anwar

“Kalau China rasa kawasan itu hak mereka kita akan buka untuk rundingan, sementara itu usaha kita untuk cari gali akan diteruskan,” katanya ketika sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Taqiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) mengenai aspek keselamatan terutama kehadiran tentera China di Laut China Selatan.